

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' SRI WEE JECK SENG

TARIKH: 26 OKTOBER 2016

SOALAN:

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah syarat mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan satu jawatan dalam portal *JobsMalaysia* sebelum pengambilan pekerja asing diberi pertimbangan dapat memastikan keutamaan pekerjaan diberi kepada warganegara.

PR-1343-L75719

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah menyediakan perkhidmatan yang dikenali sebagai portal *JobsMalaysia*. Perkhidmatan ini disediakan kepada pencari

kerja warganegara yang ingin memohon pekerjaan dan pihak majikan yang ingin menawarkan kekosongan jawatan pepadanan pekerjaan secara atas talian. Melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan mengikut keperluan pekerjaan dan kelayakan akademik yang dikehendaki.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing ke 34 Bil. 1/2006 telah memutuskan bahawa sokongan dari Jabatan Tenaga Kerja(JTK) merupakan pra syarat bagi setiap majikan yang memohon pekerja asing. Sehubungan dengan itu, majikan hendaklah terlebih dahulu mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal *JobsMalaysia*. Mana-mana majikan yang gagal mengiklankan kekosongan dalam portal *JobsMalaysia*, tidak akan dipertimbangkan permohonan mereka bagi menggajikan pekerja asing. Pra syarat ini telah membantu meningkatkan bilangan kekosongan jawatan di dalam Portal *JobsMalaysia* yang diiklankan oleh majikan dan memberi peluang kepada warganegara untuk memilih pekerjaan tersebut.

3. Namun begitu, kebanyakan majikan yang menawarkan pekerjaan adalah bagi jawatan operator mesin dan pekerja asas. Mengikut rekod JTK, terdapat sebanyak 91,741 kekosongan bagi jawatan operator mesin dan 375,032 kekosongan bagi jawatan pekerja asas telah diiklankan dalam portal *JobsMalaysia* daripada 01 Januari 2016 hingga 30 September 2016. Daripada jumlah

kekosongan jawatan tersebut, sebanyak 28,302 (31%) pekerja tempatan telah mendapat peluang terlebih dahulu untuk jawatan operator mesin dan 18,012 (5%) pekerja tempatan ditempatkan untuk jawatan pekerja asas bagi tempoh masa yang sama.

4. Melalui program yang dijalankan oleh JTK pada tahun 2016, sebanyak 627 majikan yang memohon pekerja asing telah berjaya dibantu bagi mendapatkan pekerja tempatan sehingga Ogos 2016. Seramai 7,127 pencari kerja tempatan telah hadir untuk ditemuduga dan dari jumlah tersebut seramai 5,515 orang pencari kerja telah di ambil bekerja.